

Cadangan Penambahbaikan Terhadap Reka Bentuk Borang Berkaitan Urusan Zakat Milik Lembaga Zakat Selangor

AHMAD AZMAN BIN MOHAMAD RAMLI

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

ahmadazman@uitm.edu.my

KASMARINI BINTI BAHARUDDIN

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

kas@uitm.edu.my

MOHD NAIM BIN MOHD NASFI

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

naim932@uitm.edu.my

MOHD RIDZUAN BIN IBRAHIM

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

iridzuan@uitm.edu.my

NOR ZAINA ZAHARAH BINTI MOHD ARIFF

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

norzaina@uitm.edu.my

NOOR FARALIZA BINTI SAMSUDIN

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

noorf053@uitm.edu.my

NORHIDAYU BINTI MD YATIM

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

norhidayu@uitm.edu.my

ABSTRAK

Borang merupakan salah satu alat penting bagi setiap organisasi disebabkan pelbagai peranannya dalam membantu organisasi mengurus maklumat. Oleh itu, reka bentuk borang perlu memiliki elemen-elemen kualiti tertentu bagi memastikan peranan tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti cadangan-cadangan bagi menambah baik reka bentuk borang berkaitan urusan zakat milik organisasi bernama Lembaga Zakat Selangor. Bagi mencapai objektif kajian, analisis dilakukan terhadap reka bentuk borang-borang berkaitan urusan zakat yang dipaparkan dalam

laman sesawang Lembaga Zakat Selangor. Hasil kajian mendapati terdapat tujuh cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan lagi kualiti reka bentuk borang-borang tersebut. Diharap hasil kajian ini dapat membantu Lembaga Zakat Selangor khususnya dan lain-lain organisasi berkaitan pengurusan zakat di Malaysia meningkatkan lagi kualiti reka bentuk borang-borang yang sedang digunakan.

Kata kunci: *Borang, Reka bentuk, Zakat, Lembaga Zakat Selangor*

ABSTRACT

Forms are one of the important tools for every organization due to its various roles in helping organizations manage information. Therefore, the design of the forms must have certain quality elements to ensure that the roles can be implemented smoothly and effectively. The objective of this study is to identify proposals to improve the design of forms related to zakat matters belonging to an organization called Lembaga Zakat Selangor. To achieve the objectives of the study, analysis is done on the design of forms related to zakat matters displayed on the website of the Lembaga Zakat Selangor. The results of the study found that there are seven suggestions for improvement that can be done to further improve the design quality of the forms. It is hoped that the results of this study can help the Lembaga Zakat Selangor in particular and other organizations related to zakat management in Malaysia to further improve the design quality of the forms being used.

Keywords: *Forms, Design, Zakat, Lembaga Zakat Selangor*

PENGENALAN

Betty dan Kay (1984) mendefinisi borang sebagai dokumen yang direkabentuk secara teliti untuk mengumpul dan menyebarkan maklumat yang diperlukan bagi tujuan operasi dan memori sesuatu organisasi. Southwood (1994) pula mendefinisi borang sebagai suatu media yang disediakan untuk memaparkan maklumat bertulis dan sebahagiannya disediakan bertujuan untuk diisi. Beliau juga menyatakan, borang dihasilkan oleh penyedia borang bertujuan untuk mengumpul maklumat, menyimpan maklumat dan untuk bertukar maklumat dengan pihak lain. Berdasarkan kedua-dua definisi ini, jelas menunjukkan bahawa borang merupakan salah satu alat mengurus maklumat yang penting kepada organisasi. Hal ini disebabkan perannya membantu organisasi mengumpul pelbagai maklumat yang diperlukan untuk pelaksanaan tanggungjawab, membantu organisasi menyimpan maklumat yang telah dikumpul bagi tujuan rujukan semula dan pembuatan keputusan dan seterusnya membantu menyebarkan maklumat yang dikumpul dan disimpan kepada pihak dalaman dan luaran organisasi yang memerlukan.

Berlandaskan kepentingannya sebagai alat untuk membantu organisasi mengurus maklumat, organisasi perlu memastikan borang-borang yang dihasilkan memiliki reka bentuk yang berkualiti. Reka bentuk borang yang berkualiti boleh meningkatkan keberkesanan sesuatu borang dalam membantu organisasi mengurus maklumatnya. Hal ini dibuktikan daripada kenyataan Southwood (1994), yang menyatakan borang yang mempunyai reka bentuk yang berkualiti akan mempercepat pengguna borang mengisi maklumat dalam sesuatu borang serta mengurangkan kos organisasi untuk memproses borang.

Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti cadangan-cadangan bagi menambah baik reka bentuk borang milik sesebuah organisasi. Seterusnya, membantu menjadikan reka bentuk borang organisasi tersebut menjadi lebih berkualiti. Bagi mencapai objektif tersebut, sebuah organisasi di negeri Selangor iaitu Lembaga Zakat Selangor telah dipilih sebagai sumber kajian. Lembaga Zakat Selangor buat

masa ini mempunyai seramai 400 kakitangan serta 25 cawangan di seluruh daerah di negeri Selangor. Ibu pejabat organisasi ini bertempat di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor. Organisasi ini dipilih sebagai sumber kajian adalah kerana ia merupakan salah sebuah organisasi di Malaysia yang banyak menggunakan borang dalam membantu melaksanakan tanggungjawabnya. Selain itu, organisasi ini juga dipilih sebagai sumber kajian adalah untuk membantu ia dan lain-lain organisasi berkaitan pengurusan zakat di Malaysia meningkatkan lagi kualiti reka bentuk borang-borang yang sedang digunakan.

METODOLOGI

Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti elemen-elemen yang perlu wujud dalam reka bentuk borang yang berkualiti. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan elemen-elemen reka bentuk borang berkualiti seperti yang ditetapkan oleh Southwood (1994) dalam dua artikelnya yang bertajuk 'Forms under control' dan 'Forms management'.


Dua artikel ini telah membahagi elemen-elemen reka bentuk tersebut kepada tiga kategori iaitu kategori elemen berkaitan bahasa, kategori elemen berkaitan susun atur dan kategori elemen berkaitan tipografi. Secara ringkasnya, elemen berkaitan bahasa ialah berkaitan kaedah-kaedah untuk memastikan perkataan dan ayat yang digunakan dalam borang mudah dibaca dan difahami oleh pengguna borang. Elemen berkaitan susun atur ialah berkaitan kaedah-kaedah menyusun atau mengatur perkataan dan ayat dalam borang supaya nampak lebih kemas dan teratur. Elemen berkaitan tipografi pula ialah berkaitan kaedah-kaedah untuk memastikan rupa atau bentuk tulisan dalam borang lebih mudah dibaca oleh pengguna borang. Setelah elemen-elemen yang perlu wujud pada reka bentuk borang yang berkualiti dikenal pasti, cadangan penambahbaikan akan diberikan sekiranya didapati elemen-elemen berkenaan tidak wujud pada reka bentuk borang-borang yang dikaji.

Borang-borang yang terlibat dalam kajian ini diambil daripada bahagian muat turun di laman sesawang (www.zakatselangor.com.my) milik Lembaga Zakat Selangor. Borang-borang tersebut adalah berkaitan urusan zakat yang merupakan fungsi utama yang dilaksanakan oleh organisasi tersebut. Terdapat lapan jenis borang yang dipaparkan dalam laman sesawang tersebut. Borang-borang tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Borang Potongan Gaji Secara On-line
2. Borang Pendaftaran E-Vendor
3. Borang Permohonan Agihan Zakat
4. Borang Maklumat Peribadi Asnaf Fakir Zakat
5. Borang Pengisytiharan Pendapatan Permohonan Bantuan Zakat LZS (MAIS)
6. Borang Pengesahan Sekolah Rendah/Menengah (Bantuan Pendidikan)
7. Borang Bayaran Zakat
8. Borang Skim Saham Wakaf Selangor

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati terdapat tujuh penambahbaikan yang dicadang perlu dilaksana terhadap reka bentuk borang berkaitan urusan zakat yang sedang digunakan oleh Lembaga Zakat Selangor. Ringkasan terhadap tujuh cadangan penambahbaikan tersebut adalah seperti di gambar rajah 1 di bawah:



Gambar rajah 1: Cadangan Penambahbaikan Reka Bentuk Borang Berkaitan Urusan Zakat Lembaga Zakat Selangor

Tujuh cadangan penambahbaikan terhadap reka bentuk borang tersebut ialah pertama, penghapusan penggunaan jargon, yang kedua, penggunaan penomboran, yang ketiga, penggunaan ayat yang pendek, yang keempat, penggunaan huruf penuh untuk perkataan, yang kelima, penekanan yang sesuai pada perkataan, yang ke enam, penyediaan maklumat tujuan penyediaan borang, cara pengisian borang dan tindakan selanjutnya terhadap borang selepas pengisian, dan yang ke tujuh, penggunaan kod atau nombor rujukan.

Penerangan yang lebih lanjut tentang tujuh cadangan penambahbaikan seperti yang dinyatakan di atas adalah seperti di bawah;

1. Penghapusan Penggunaan Jargon

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), menyatakan jargon bermaksud bahasa khusus yang digunakan dalam bidang tertentu. Southwood (1994) pula menyatakan penggunaan jargon tidak digalakkan digunakan dalam borang kerana ia boleh menyebabkan pengguna borang tidak memahami perkataan-perkataan yang diguna dalam borang. Keadaan ini seterusnya boleh menyebabkan pengguna borang sukar mengisi maklumat yang diperlukan dalam sesuatu borang. Akibat seterusnya ialah keadaan ini boleh menyebabkan organisasi yang menyediakan borang mendapat maklumat yang kurang lengkap atau kurang tepat daripada sesuatu borang. Berdasar kajian ini, didapati terdapat reka bentuk borang-borang milik Lembaga Zakat Selangor yang menggunakan jargon. Contohnya borang bertajuk Permohonan Agihan Zakat menggunakan perkataan 'asnaf fakir', borang bertajuk Borang Bayaran Zakat menggunakan perkataan 'tahun haul', borang bertajuk Borang Permohonan Zakat menggunakan perkataan 'gharim' dan 'riqab' dan borang yang bertajuk Borang Saham Wakaf Selangor menggunakan perkataan 'wakif'.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan supaya Lembaga Zakat Selangor menghapus penggunaan jargon-jargon sebegini pada borang-borang yang sedang digunakan. Perkataan-perkataan yang lebih mudah difahami oleh orang awam di Malaysia perlu diguna bagi menggantikan jargon-jargon tersebut. Hal ini bertujuan bagi membolehkan pengguna borang mampu membaca, memahami dan seterusnya mengisi borang-borang tersebut dengan lebih

mudah lagi. Walau bagaimanapun, Southwood (1994) menyatakan jargon boleh digunakan pada perkataan dalam borang sekiranya borang tersebut disediakan khusus kepada pengguna borang yang dapat memahami sesuatu jargon yang digunakan. Oleh itu, Lembaga Zakat Selangor boleh menggunakan jargon dalam sesuatu borang sekiranya borang tersebut disediakan khusus kepada golongan pengguna borang yang dirasakan mampu memahami maksud sesuatu jargon yang digunakan dalam borang.

2. Pernomboran

Southwood (1994), menyatakan pengguna borang akan cepat membaca dan memberikan tindakbalas terhadap sesuatu maklumat atau arahan dalam borang sekiranya maklumat atau arahan tersebut diberi per nomboran. Untuk tujuan ini, beliau mencadangkan penggunaan per nomboran Arab (1,2,3) dalam borang.

Berdasarkan kajian, didapati terdapat reka bentuk borang-borang milik Lembaga Zakat Selangor yang menggunakan per nomboran Arab pada maklumat atau arahan dalam borang. Contoh borang-borang yang menggunakan per nomboran Arab ialah borang yang bertajuk Borang Maklumat Peribadi Asnaf Fakir/Miskin dan Borang Permohonan Agihan Zakat. Namun, didapati terdapat juga borang-borang yang langsung tidak menggunakan sebarang per nomboran Arab pada maklumat atau arahan dalam borang. Contohnya keadaan ini berlaku pada borang bertajuk Borang Skim Saham Wakaf Selangor dan Borang Bayaran Zakat. Penulis berpendapat keadaan ini boleh menyebabkan pengguna borang berasa sukar menggunakan borang-borang terlibat kerana terpaksa mengambil masa yang lama untuk membaca dan mengisi maklumat dalam borang-borang tersebut.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan kepada Lembaga Zakat Selangor supaya membuat penambahbaikan terhadap borang-borang tersebut dengan memberikan per nomboran Arab terhadap maklumat atau arahan yang bersesuaian dalam borang-borang tertentu.

3. Ayat Pendek

Southwood (1994) menyatakan, ayat dalam sesuatu borang perlu pendek dengan cara mengurangkan perkataan yang tidak perlu. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan ayat menjadi terlalu panjang sehingga menyebabkan borang sukar dibaca dan difahami oleh pengguna borang. Di samping itu, tujuannya adalah untuk menjimatkan ruang dalam borang bagi membolehkan ruang-ruang tersebut digunakan untuk tujuan lain yang lebih penting.

Beliau menyatakan satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengurangkan perkataan yang tidak perlu dalam ayat ialah dengan menggunakan perkataan yang berbentuk kata kerja dan mengurangkan perkataan yang berbentuk kata terbitan. Berdasarkan kajian, terdapat borang-borang tertentu yang menggunakan perkataan berbentuk kata terbitan yang lebih sesuai digantikan dengan perkataan berbentuk kata kerja. Contohnya pada borang yang bertajuk Borang Permohonan Agihan Zakat, pengkaji mencadangkan perkataan kata terbitan permohonan ditukar kepada kata kerja mohon. Oleh itu, cadangan perubahan tajuk borang tersebut ialah Borang Mohon Agihan Zakat. Pengkaji berpendapat, cadangan tajuk baharu ini kelihatan lebih pendek yang dilihat lebih mudah dibaca dan difahami oleh pengguna borang dibandingkan dengan tajuk borang yang terdahulu.

Satu lagi kaedah yang boleh digunakan untuk mengurangkan perkataan yang tidak perlu dalam ayat adalah dengan membuang perkataan yang mempunyai maksud yang sama dengan perkataan yang lain dalam sesuatu ayat. Contohnya borang bertajuk Borang Pengisytiharan Pendapatan Permohonan Bantuan Zakat LZS (MAIS) menggunakan ayat seperti berikut;

“Sesungguhnya saya mengesahkan bahawa segala keterangan yang diberikan oleh pemohon adalah tepat dan benar.”

Pengkaji berpendapat perkataan tepat dan perkataan benar dalam ayat di atas adalah mempunyai maksud yang sama. Oleh itu, telah berlaku penggunaan perkataan yang tidak perlu atau lewah dalam ayat tersebut. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan Lembaga Zakat Selangor mengenal pasti perkataan-perkataan berlebihan atau lewah sebegini dalam ayat-ayat dalam borang dan seterusnya menghapuskannya.

4. Huruf Penuh Pada Perkataan

Southwood (1994) menyatakan, huruf-huruf pada perkataan-perkataan yang penting dalam sesuatu ayat dalam borang perlu dikekalkan. Hal ini bertujuan mengelakkan kesamaran terhadap maksud sesuatu perkataan sehingga boleh menyebabkan sesuatu ayat menjadi sukar difahami oleh pengguna borang. Keadaan ini seterusnya boleh menyebabkan pengguna borang sukar mengisi maklumat dalam borang terlibat.

Berdasarkan kajian, didapati terdapat reka bentuk borang-borang milik Lembaga Zakat Selangor yang menggunakan singkatan huruf untuk sesuatu perkataan. Contohnya borang yang bertajuk Borang Maklumat Peribadi Asnaf Fakir/Miskin menggunakan singkatan huruf LZS dan PPR dalam boring tersebut. Manakala borang yang bertajuk Borang Maklumat Peribadi Tanggungan Fakir/Miskin pula menggunakan singkatan huruf SRK, SRA, IPTA, IPTS dan KAFA dalam boring tersebut. Situasi ini disukarkan lagi apabila kesemua singkatan ini tidak disediakan petunjuk dalam borang untuk memberi penerangan kepada pengguna borang tentang maksud sesuatu singkatan huruf yang digunakan.

Pengkaji berpendapat situasi ini boleh menyebabkan sesuatu perkataan dan ayat dalam borang menjadi sukar difahami oleh pengguna dan situasi ini seterusnya boleh menyukarkan pengguna borang mengisi maklumat yang diperlukan untuk sesuatu borang. Sehubungan dengan itu, dicadangkan Lembaga Zakat Selangor membuat penambahbaikan terhadap reka bentuk borang-borang yang terlibat iaitu dengan menulis huruf untuk sesuatu perkataan dengan penuh tanpa meringkaskan perkataannya. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu perkataan itu perlu diringkaskan hurufnya, petunjuk terhadap makna perkataan yang diringkaskan perlu disediakan dalam borang untuk dijadikan panduan oleh pengguna borang.

5. Penekanan Yang Sesuai Pada Perkataan

Menurut Southwood (1994), penekanan dilakukan terhadap sesuatu perkataan dalam borang ialah bertujuan untuk membolehkan pengguna borang menjadi lebih fokus atau memberi lebih perhatian kepada perkataan tersebut. Beliau menambah lagi, penekanan ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti menebalkan dakwat sesuatu huruf dengan warna tertentu, membuat garisan pada perkataan dan menggunakan huruf besar pada perkataan.

Namun, Southwood (1994) juga menyatakan wujud kecenderungan sebahagian penyedia borang untuk memberikan penekanan yang berlebihan terhadap perkataan dalam borang. Beliau menyatakan contoh penekanan berlebihan ini adalah seperti menebalkan, menggunakan huruf besar dan membuat garisan secara serentak terhadap sesuatu perkataan yang sama dalam ayat dalam borang. Beliau menyatakan keadaan ini boleh menyebabkan ayat kelihatan tidak kemas dan boleh menyebabkan pembaca menjadi lambat membaca sesuatu ayat di dalam borang.

Berdasarkan kajian, didapati terdapat reka bentuk borang-borang Lembaga Zakat Selangor yang mempunyai ciri-ciri penekanan berlebihan seperti yang dimaksudkan oleh Southwood (1994) tersebut. Contohnya dapat dilihat melalui frasa pengakuan pengesahan pendapatan permohonan/ibu bapa/penjaga dalam borang bertajuk Borang Pengisytiharan Pendapatan Permohonan Bantuan Zakat LZS (MAIS) telah ditebal dengan dakwat hitam, digaris dan dibesar huruf pada semua perkataan tersebut. Frasa pengesahan pendapatan dalam borang yang sama juga telah dibuat penekanan berlebihan seperti sedemikian.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan Lembaga Zakat Selangor mengenal pasti perkataan-perkataan dalam borang yang perlu diberi penekanan untuk menjadikan pengguna borang lebih fokus kepada sesuatu perkataan dalam borang. Pada masa yang sama, Lembaga Zakat Selangor juga perlu mengenal pasti perkataan-perkataan dalam borang yang telah diberi penekanan yang berlebihan dan seterusnya dikurangkan penekanan yang berlebihan tersebut.

6. Disediakan Maklumat Tujuan Penyediaan Borang, Cara Pengisian Borang dan Tindakan Selanjutnya Terhadap Borang Selepas Pengisian

Southwood (1994) menyatakan, untuk menjadikan borang lebih mudah digunakan oleh pengguna borang, di dalam setiap borang perlu dinyatakan maklumat tentang tujuan sesuatu borang disediakan, maklumat tentang cara mengisi borang dan maklumat tentang tindakan yang pengguna borang perlu lakukan terhadap sesuatu borang selepas selesai borang tersebut diisi.

Berdasarkan kajian, didapati terdapat reka bentuk borang-borang Lembaga Zakat Selangor yang tidak memiliki maklumat-maklumat tersebut. Contohnya borang yang bertajuk Borang Permohonan Agihan Zakat tidak menyatakan maklumat tentang tujuan borang tersebut disediakan kepada pengguna borang. Keadaan ini boleh menyebabkan pengguna borang keliru tentang borang-borang yang sepatutnya mereka perlukan untuk berurusan dengan organisasi. Maklumat kepada pengguna borang tentang cara mengisi borang juga tidak dinyatakan dengan lengkap dalam borang tersebut. Contohnya, pada ruang soalan nombor tiga, empat, lima, enam, lapan, sembilan dan 10 dalam borang tersebut, tiada dinyatakan maklumat tentang cara mengisi kotak dan ruang kosong yang disediakan dalam borang. Keadaan ini boleh menyebabkan kesukaran pengguna borang mengisi borang tersebut disebabkan mereka tidak mengetahui cara sebenar mengisi borang. Dalam borang ini juga tiada dinyatakan maklumat tentang tindakan seterusnya yang perlu dilakukan oleh pengguna borang selepas borang tersebut diisi. Keadaan ini juga boleh menyebabkan kesukaran kepada pihak pengguna borang kerana mereka tidak mengetahui tindakan yang perlu mereka lakukan terhadap borang-borang yang telah selesai mereka isi.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan Lembaga Zakat Selangor membuat penambahbaikan terhadap borang-borang yang berkaitan iaitu dengan memasukkan maklumat-maklumat tentang tujuan sesuatu borang disediakan, cara mengisi borang dan tindakan yang pengguna borang perlu lakukan terhadap sesuatu borang selepas selesai diisi. Kesemua maklumat ini dijangka akan membantu pengguna borang menggunakan sesuatu borang dengan lebih mudah lagi.

7. Penggunaan Kod atau Nombor Rujukan

Southwood (1994) menyatakan setiap borang perlu diberikan kod atau nombor rujukan yang unik. Hal ini merupakan satu kaedah yang bertujuan untuk memudahkan lagi pengguna borang mengenali sesuatu borang, mengelakkan pewujudan borang-borang yang bertindih atau sama maklumat yang dikumpul dengan borang yang lain dan memudah pengawalan versi borang. Versi borang mustahak untuk mengelakkan pengguna menggunakan borang yang telah usang.

Berdasarkan kajian, didapati kesemua reka bentuk borang-borang milik Lembaga Zakat Selangor tidak ditulis kod atau nombor rujukan pada borang. Keadaan ini boleh menyukarkan organisasi dan pengguna borang mengenali sesuatu jenis borang yang diperlukan untuk sesuatu urusan, meningkatkan risiko pewujudan borang-borang yang bertindih atau sama maklumat yang dikumpul antara satu sama lain serta menyukarkan pengawalan versi borang-borang yang dihasilkan. Sehubungan dengan itu, dicadangkan Lembaga Zakat Selangor menyediakan

maklumat tersebut dalam borang-borang yang dimiliki bagi mengelakkan permasalahan ini berlaku.

KESIMPULAN

Pengkaji telah mencadangkan tujuh penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap reka bentuk borang-borang berkaitan zakat yang sedang digunakan oleh Lembaga Zakat Selangor. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan elemen-elemen reka bentuk borang berkualiti seperti yang ditetapkan oleh Southwood dalam kedua-dua artikelnya. Diharap kajian yang akan datang dapat terus mengenal pasti lain-lain elemen reka bentuk borang berkualiti yang diperlukan bagi menambahbaik sesuatu borang. Diharap juga cadangan-cadangan penambahbaikan dalam kajian ini akan dapat membantu Lembaga Zakat Selangor khususnya serta lain-lain organisasi berkaitan pengurusan zakat di Malaysia amnya meningkatkan lagi kualiti reka bentuk borang-borang yang sedang digunakan bagi memenuhi keperluan organisasi dan pelanggan.

Rujukan

Betty R. Ricks & Kay F. Gow. (1984). *Information Resource Management*. Virginia: South-Western Publishing.

Graham Southwood. (1994, June). *Forms under control*. Retrieved from <https://doi.org/10.1108/eb027074> Accessed 23 July 2018.

Graham Southwood. (1994, December). *Forms Management*. Retrieved from <https://doi.org/10.1108/eb045673>. Accessed 23 July 2018.\

Kamus Dewan. (4th ed.). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.